

31/01/2002

Perpecahan dapat dielak jika amal budaya dialog

Misiah Taib; Hamizar Hamid

KUALA LUMPUR, Rabu - Permasalahan yang membawa kepada perpecahan di kalangan masyarakat Melayu Islam di negara ini dapat diselesaikan jika organisasi yang berbeza fahaman politik, mampu mengenetepikan perbezaan pendapat dan duduk berdialog bagi membincangkan permasalahan berkenaan.

Sehubungan itu, Profesor dari Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Zainal Kling, berkata masyarakat Melayu Islam perlu memikirkan kaedah terbaik yang boleh membawa kepada keterbukaan minda, bagi membolehkan mereka duduk berdialog, untuk menangani apa jua isu berbangkit.

Menurutnya, jika masyarakat Melayu Islam sendiri tidak dapat berdialog, mereka akan saling bermusuhan dan ini sekali gus menjadikan masyarakat di negara ini terbelah atau berpecah.

"Persoalannya, bagaimana kita nak menyatukan masyarakat kita dari dua alam iaitu yang mindanya terbuka dan minda tertutup, agar dapat sama-sama berdialog? "Sebenarnya sejak 1979 lagi kita sudah membicarakannya dari sudut pendidikan Islam dan kita sudah mulakannya dengan membina institusi pengajian tinggi," katanya ketika mengulas dua kertas kerja yang dibentangkan pada hari kedua Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam di Hotel Crown Princess, di sini hari ini.

Dua kertas kerja berkenaan ialah "Sekularisme dan Islamisme: Kemunduran Dan Kemajuan Umat" yang dibentangkan Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Mahmood Zuhdi Abd Majid dan "Penglisan Ilmu Berbanding Pembaratan Ilmu: Kesannya Terhadap Pembangunan Umat" oleh Prof Dr Khalijah Mohd Salleh, dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Prof Dr Zainal berkata, jika dilihat dari sudut sosiologi masyarakat Melayu di negara ini, 80 peratus daripada mereka masih lagi berada pada tahap keilmuan yang rendah.

Sebenarnya kata beliau, ketertutupan minda yang berlaku di kalangan masyarakat Melayu Islam bukan saja berlaku di Malaysia, tetapi juga di kalangan umat Islam di seluruh dunia.

"Apa yang berlaku kepada kita, turut berlaku kepada wajah-wajah Islam yang luas. Justeru kita perlu memikirkan kaedah yang boleh membawa kepada keterbukaan minda," katanya.

Terdahulu ketika membentang kertas kerjanya, Prof Dr Khalijah, menyentuh mengenai sebab masyarakat Melayu Islam secara relatif terkebelakang, selain bermasalah dalam bidang ekonomi, pendidikan, sosial dan politik.

Sebab yang mungkin jelasnya, ialah kejahilan iaitu budaya cucuk hidung, masalah kepimpinan, kekurangan kewangan dan infrastruktur.

"Kita tidak nafikan Barat telah maju secara material dan kita masih lagi ketinggalan. Pada satu waktu dulu, Islam maju dan kita mengamalkan cara hidup Islam, tetapi mengapa kita tidak maju? Di mana silapnya?.

"Inilah yang dikatakan agama itu sempurna, tetapi umatnya yang kurang sempurna seperti yang ditekankan pada persidangan ini semalam (kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika majlis dialog dengan peserta persidangan)," katanya.

(END)